



KENYATAAN MEDIA

GESA TINDAKAN SEGERA MEMBENDUNG JANGKITAN COVID-19 DI KALANGAN KANAK-KANAK

Hari ini saya telah membuat pemantauan dan tinjauan terhadap penyampaian perkhidmatan kebajikan oleh petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan petugas-petugas di Pusat Kuarantin dan Rawatan Bersepadu COVID-19 (PKRC) di MAEPS Serdang. Tinjauan dan pemantauan ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kebajikan oleh petugas-petugas barisan hadapan kepada kumpulan sasar di bawah Kementerian yang telah ditempatkan di PKRC MAEPS akibat jangkitan COVID-19, termasuklah 168 orang kanak-kanak.

Peningkatan jumlah akumulatif jangkitan COVID-19 di kalangan kanak-kanak daripada pelbagai peringkat umur adalah amat membimbangkan dan saya berharap agar perhatian segera dapat diberikan oleh semua pihak terhadap perkembangan terbaru ini. Sehingga 18 Mei 2021, dilaporkan **seramai 64,046 orang kanak-kanak telah dijangkiti oleh COVID-19** dan peningkatan ini amat tinggi jika dibandingkan dengan jumlah seramai 8,369 kes kanak-kanak dijangkiti COVID-19 yang dilaporkan sepanjang tahun 2020.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas kebajikan dan pembangunan kanak-kanak di negara ini, **saya ingin menggesa agar kesemua pihak khususnya ibu bapa, penjaga, pengendali pusat jagaan kanak-kanak, pengusaha/pengasuh TASKA, dan pihak-pihak lain yang mempunyai hubungan dan interaksi terus (*direct interaction*) dengan kanak-kanak supaya meningkatkan kesedaran tentang bahaya jangkitan COVID-19.** Ini supaya mereka lebih proaktif untuk menilai perkara-perkara yang dapat meminimumkan **risiko jangkitan COVID-19 terhadap kanak-kanak.** Semua pihak perlu memainkan peranan untuk **memastikan kanak-kanak sentiasa mematuhi SOP dan pastikan tidak membawa kanak-kanak keluar ke tempat awam kecuali bagi tujuan kecemasan, rawatan dan pendidikan.**

Saya menyeru kepada semua ibu bapa dan penjaga agar memberi keutamaan terhadap penjagaan dan tahap kesihatan kanak-kanak. **Kanak-kanak perlu dididik dan diberi maklumat tentang pematuhan SOP dan mengamalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kendiri bagi mengelak daripada dijangkiti virus COVID-19.** Saya akan terus berusaha untuk memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak (*the best interest of a child*) di negara ini sentiasa terpelihara. Di samping itu, dalam menangani peningkatan ini, saya menyarankan agar kajian terhadap tahap keberkesanan vaksin untuk kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dipercepatkan supaya kadar peningkatan jangkitan kepada kanak-kanak dapat dikurangkan. Saya juga menggesa agar 18,621 orang pengasuh di 5,326 buah TASKA yang berdaftar dengan JKM diberi keutamaan untuk mendapatkan vaksinasi bagi memastikan persekitaran yang terbaik untuk kanak-kanak terjamin.

Saya juga mengulangi komitmen untuk terus membantu usaha Kerajaan dalam **memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus rakyat menerima vaksin bagi mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*) menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).** Saya juga akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dalam hal ini.

Pada masa yang sama, saya juga telah menyumbang barang berupa alat permainan kanak-kanak yang telah disampaikan melalui pihak pengurusan PKRC untuk kegunaan kanak-kanak yang dijangkiti dan sedang mendapat rawatan di PKRC ini. Lindung Diri, Lindung Semua.

**YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
28 Mei 2021**